

Orkim dapat kontrak RM32 juta daripada Petco Trading Labuan



Orkim Bhd

KUALA LUMPUR: Anak syarikat Orkim Bhd, Orkim Marine Sdn Bhd memperoleh kontrak sewaan masa bernilai RM32 juta daripada Petco Trading Labuan Co Ltd.

Tempoh sewaan adalah selama enam bulan dan akan bermula pada penghujung Februari, dengan pilihan untuk dilanjutkan selama enam bulan lagi.

Ketua Pegawai Eksekutif Orkim, Kapten Cheah Sin Bi, berkata kontrak tersebut mencerminkan keyakinan berterusan terhadap keupayaan Orkim dalam landskap pengangkutan marin yang semakin berkembang.

"Orkim Citrine akan disewa bagi kontrak ini, yang akan menjadi pemacu utama kepada peluasan laluan serantau kami, memandangkan laluan tersebut meliputi Asia Timur dan Teluk Parsi.

"Ini mengukuhkan jejak operasi serta membuktikan keupayaan kami menyediakan perkhidmatan pengangkutan marin berkualiti tinggi merentasi perairan antarabangsa yang lebih luas," katanya.

Beliau menambah bahawa kontrak ini turut mengukuhkan buku pesanan syarikat dan meningkatkan keterlihatan pendapatan, sekali gus meletakkan Orkim pada kedudukan lebih baik untuk mengharungi dinamik pasaran sambil mengekalkan kadar penggunaan armada yang stabil.